



# SPECTRUM

MSAE

ERAT SEPAKAT MEMBINA LEGASI KEJURUTERAAN PERTANIAN



SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA

TERBITAN : 04/2017

## Seminar TUV-SUD Malaysia

Syarikat TUV-SUD Asia di Malaysia adalah ahli industri kepada MSAE. Lanjutan daripada Lawatan Teknikal MSAE ke TUV-SUD Asia di Singapura pada 17 Oktober 2017, maka MSAE telah menjemput syarikat TUV-SUD Malaysia mengadakan seminar bertajuk "Artificial Lighting For Indoor Farming" pada 6 November 2017 bertempat di Bilik Seminar, Fakulti Kejuruteraan UPM, Serdang. Antara aktiviti utama Syarikat TUV-SUD Asia adalah berkaitan dengan pengujian dan pensijilan. Ahli MSAE bolehlah berhubung dengan syarikat ini jika memerlukan khidmat mereka.

Seminar ini dianjurkan bersama dengan Jabatan Kejuruteraan Biologi & Petanian, Fakulti Kejuruteraan, UPM. Penceramah seminar ini adalah Marvin Boell yang dijemput dari Jerman. Topik seminar adalah berkaitan dengan (i) teknologi dalam teknik pencahayaan yang sesuai dalam pertanian dan hortikultur; (ii) Kesan cahaya kepada tanaman; (iii) piawaian yang sedia ada berkaitan pencahayaan dalam pertanian/hortikultur; (iv) strategi dan plan cahaya dalam pertanian; (v) 'State of Industry/Agricultural 4.0. Seminar ini turut dihadiri oleh ahli-ahli MSAE dan pengguna yang terlibat dalam industri ini.



Gambar 1: Marvin Boell serta delegasi dari TUV-SUD Asia di Malaysia dan Singapura telah bergambar bersama Exco di hadapan Mercu Tanda AE

## PROGRAM SANTAI BUI BICARA BERSAMA KETUA SETIAUSAHA MOA

Sebagai memantapkan lagi peranan MSAE sebagai sebuah persatuan profesional teknikal yang berkaitan dengan pertanian dan makanan, Exco MSAE sesi 2017-2018 telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Program Santai Bui Bicara bersama YBhg. Datuk Seri Dr Ismail Haji Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia pada 7 Disember 2017 di Kelab Golf UPM.

Program ini juga turut dihadiri oleh generasi Jurutera Pertanian pertama iaitu graduan Bachelor Kejuruteraan Pertanian 1979. Mereka terdiri dari Dato' Nursiah Arshad, Puan Aeshah Ismail, Ir Hj Izhar Mahmood dan Tn. Hj. Abu Kassim Bin Yusof. Disamping Exco MSAE sesi 2017/2019, mantan Exco sesi 2013/2017 yang lepas juga dijemput seperti Dr Ahmad Fikri Abdullah iaitu Mantan Timbalan Presiden (Pentadbiran), Dr. Muhammad Razif Mahadi iaitu Mantan Timbalan Presiden (Pentadbiran) dan Dr. Muhamad Saufi Mohd Kassim iaitu Mantan Bendahari Eksekutif. Antara perkara utama yang telah dibincangkan adalah berkaitan menyatakan aspirasi agar dapat berkongsi pendapat dan cadangan kepada Y.Bhg. Datuk Seri tentang peranan Jurutera Pertanian dan Makanan untuk bersama-sama melakukan perubahan demi masa depan negara yang boleh dinikmati oleh generasi akan datang.



Gambar 2: Program Santai Bui Bicara bersama YBhg. Datuk Seri Dr Ismail Haji Bakar pada 7 Disember 2017 di Kelab Golf UPM

## PERJUMPAAN EXCO MSAE BERSAMA JAWATANKUASA MSAE-SC (UPM SERDANG) BAGI SESI 2017/2018

Pada 10 Oktober 2017, wakil Exco MSAE yang terdiri dari Prof. Madya Dr Rosnah Shamsudin, Presiden MSAE dan Prof. Madya Dr Hasfalina Che Man, Timbalan Presiden (Pentadbiran) telah mengadakan perjumpaan dan sesi pengenalan dengan jawatankuasa baru MSAE - Sc (UPM Serdang) bagi sesi 2017/2018. Tujuan perjumpaan ini adalah sesi ramah mesra dan untuk memberikan penerangan kepada wakil MSAE-Sc tentang peranan MSAE sebagai persatuan profesional teknikal. Ini penting untuk memberikan kefahaman kepada generasi jurutera pertanian yang akan datang tentang peranan mereka dalam menerajui industry pertanian dan makanan negara.

### SENARAI EXCO MSAE-SC SESI 2017-2018

**PRESIDEN :** ROHAIDI BIN DAROS

**TIMBALAN PRESIDEN I :** HARUN HAKIMI BIN BASRI

**TIMBALAN PRESIDEN II:** SITI UMIRAH BINTI MOHD NOR

**SETIAUSAHA I :** AIN NADIRA BINTI MOHD SALLEH

**SETIAUSAHA II :** NURUL AINA NAJWA BT SHAHAR

**BENDAHARI :** NUR AIMAN HAZIQ BIN JAMSARI

**EXCO AKADEMIK DAN LAWATAN :**

1. AHMAD SHAFIE BIN SAMSURI

2. AIMI AMIRA BINTI AB HALIM

**EXCO ALUMNI DAN KERJAYA:**

1. NAZIFA ATHIRAH BINTI MAT ZAKHI

2. HALIZA BINTI MOHD YUSOF

**EXCO SUKAN DAN RIADAH:**

1. MUHAMMAD AMMAR BIN ABDULLAH

2. NOORFARHAH JASMIN BINTI JAMALUDIN

**EXCO PUBLISITI DAN PENERBITAN:**

1. MOHD FARIS MURSHIDI B MD NOOR

2. NUR SYAFAWANI BINTI MOHD FADZLI

**EXCO KEUSAHAWANAN DAN EKONOMI:**

1. MUHD.AFIFASRI HADI BIN SUHADI

2. NURUL NASYITAH BINTI MOHD KHALIL

**EXCO KEBAJIKAN:**

1. MUHAMMAD AZRI ASYRAF BIN KAYALAN

2. AHMAD NURFAZLY BIN AHMAD

## BENGKEL MARDI-FFTC "PROTECTED CULTIVATION OF HIGH VALUE CROPS UNDER CHANGING CLIMATE CONDITION"

Pihak MSAE telah mendapat jemputan sebagai pemerhati bengkel anjuran MARDI dan "Food and Fertilizer Technology Center (FFTC)" bertajuk "Protected Cultivation of High Value Crops under Changing Climate Condition" pada 12-14 September 2017, bertempat di ibu pejabat MARDI, Serdang Selangor. Bengkel ini turut juga dihadiri oleh wakil-wakil negara dari Jepun, Korea, Taiwan, India, Indonesia dan Thailand. Bengkel ini juga dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Dr Ismail Haji Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia. Wakil Exco MSAE yang hadir terdiri dari Prof. Madya Dr Rosnah Shamsudin, Presiden MSAE dan Prof. Madya Dr Hasfalina Che Man, Timbalan Presiden (Pentadbiran).

## MSAE-SC (POLITEKNIK KOTA BHARU) MENANG ANUGERAH KETUA JABATAN MEKANIKAL DAN ANUGERAH KELAB DAN PERSATUAN TERBAIK PKB 2017



Gambar 3 : Kelab MSAE-Sc (PKB) telah memenangi Anugerah Kelab dan Persatuan Terbaik PKB 2017

Sempena dengan Majlis Apresiasi Kecemerlangan Pelajar 2017 (MAKEPP 2017) Politeknik Kota Bharu (PKB) pada 12 Oktober 2017 bertempat di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kota Bharu yang lalu, dimana kelab pelajar MSAE-Sc (PKB) telah memenangi Anugerah Kelab dan Persatuan Terbaik PKB 2017. Anugerah ini telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Sokongan Akademik Politeknik Kota Bharu iaitu En. Mohd Hisham bin Makhtar. Anugerah ini terdiri dari Trofi Anugerah Kelab dan Persatuan Terbaik PKB, Sijil serta wang tunai sebanyak RM 500. MSAE-Sc (PKB) telah menerima dan memegang trofi Anugerah Kelab & Persatuan Terbaik PKB selama 3 tahun berturut-turut bermula 2015, 2016 dan 2017.

Dalam majlis yang sama, Presiden MSAE- SC PKB iaitu Saudara Mohamad Azharul bin Ramli telah memenangi Anugerah Ketua Jabatan Mekanikal buat kali kedua selepas menerima anugerah sama pada tahun 2016. Beliau menerima Sijil & wang tunai sebanyak RM 200. Warga MSAE mengucapkan tahniah dan syabas kepada Presiden MSAE-Sc (PKB) dan Kelab MSAE-Sc (PKB) atas kemenangan anugerah yang diperolehi ini. Semoga anugerah ini menjadi perangsang dan titik tolak kecemerlangan semua warga MSAE-Sc



Gambar 4 : Saudara Mohamad Azharul bin Ramli telah memenangi Anugerah Ketua Jabatan Mekanikal 2017